

Integriti dan tadbir urus

Oleh MUSTAFAR ALI

Um-25/4/2007

KELMARIN ialah ulang tahun ketiga pelancaran gagasan Pelan Integriti Nasional (PIN). Kalau kita terlupa, PIN merupakan satu pelan tindakan bersepadu yang melibatkan pelbagai sektor dan institusi masyarakat iaitu institusi keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran.

Gerakan ini benar-benar bersifat ber-sistematik, terancang dan holistik. Penjalinan kekuatan semua lapisan kepimpinan masyarakat dari bawah ke atas dan atas ke bawah menjadi suatu rangkaian sinergi, dinamisme dan kapasiti yang diperlukan bagi merealisasikan keupayaan itu.

Penekanan kepada elemen integriti dan pembudayaan secara menyeluruh dan berterusan di kalangan pelbagai sektor masyarakat Malaysia diyakini menjadi penjana utama pencapaian misi nasional. Integriti sebagai tonggak utama dan menjadi faktor penentu utama kejayaan pembangunan adalah jelas.

Ini adalah kerana, melaksanakan apa juga usaha dan tindakan dengan amanah, jujur, benar, bijaksana, ikhlas, cekap dan berkesan, merupakan pemangkin ke arah daya saing negara yang lestari dan mapan. Pembangunan infrastruktur negara bertaraf dunia, dan disepadukan dengan pembangunan modal insan berintegriti, menjadi agenda keutamaan negara.

Tugas melaksanakan PIN merupakan suatu tugas yang perlu dipikul bersama. Ini adalah kerana gagasan yang digarap melalui PIN merupakan satu wadah bangsa untuk membaiki sistem dasar dan pelaksanaan, serta memantapkan sikap dan perwatakan peribadi. PIN juga merupakan suatu wadah membimbing budaya kerja cemerlang dan berintegriti pada diri setiap anggota sektor awam dan swasta di samping menjadi penggerak dan pencetus kecemerlangan diri setiap anggota masyarakat, pelajar, belia, institusi keluarga dan komuniti.

Tema sambutan ulang tahun ketiga ialah Integriti dan Tadbir Urus: Misi Nasional. Ini dilihat bertepatan dengan semangat dan hubung kait komponen integriti dan tadbir urus sebagai penjana mencapai Misi Nasional. Misi Nasional dengan penekanan pelaksanaan program meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, memperkukuh perpaduan negara dan mewujudkan pengagihan pendapatan dan kekayaan serta kualiti hidup yang lebih baik dalam kalangan rakyat, akan dapat direalisasikan.

Agenda integriti nasional sememangnya memerlukan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan berkesan. Melalui PIN dan gerakan oleh semua sektor masyarakat diyakini dapat mengkoordinasi segala tindakan itu secara lebih holistik dan menjurus ke arah pencapaian matlamatnya.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bersama-sama melaksanakan PIN ini. Sinergi bersama secara kolektif ini menjadikan PIN suatu pelan tindakan yang mempunyai kekuatan mengubah nilai dan amalan masyarakat serta reformasi institusi-institusinya ke arah membudayakan integriti. Peranan yang mulia ini merupakan satu gagasan dan wadah yang sangat penting dan perlu dilakukan dengan sistematik, komitmen yang tinggi dan sepenuh keikhlasan.

✠ PENULIS ialah Timbalan Presiden Institut Integriti Malaysia.